

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 31 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina kuarters pelbagai kategori kepada semua pegawai dan anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Penyediaan kuarters kepada kakitangan kerajaan adalah bergantung kepada permintaan dan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan. Berdasarkan data rasmi Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) pada 10 Mac 2015, Kerajaan telah menyediakan sejumlah 26,649 unit kuarters di bawah pengurusan dan kawalan Jabatan Perdana Menteri. Unit kuarters ini terletak di Kuala Lumpur, Putrajaya, KLIA, Nilai, dan juga di Tanjung Kupang, Johor dan berada dalam pelbagai jenis kelas kuarters.

Pada masa ini, sebanyak 896 unit kuarters kelas G, sedang rancak dibina di Jalan Cochrane Kuala Lumpur yang memberi fokus kepada keperluan bagi anggota Kumpulan Sokongan dan di jangka siap pada 10 Ogos 2016. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuarters ini akan ditawarkan kepada mana-mana penjawat awam yang berada di dalam senarai menunggu termasuk pegawai dan kakitangan daripada SPRM.

Setakat ini Kerajaan tidak merancang untuk membangunkan apa-apa kuarters khas untuk penjawat awam dari mana-mana Jabatan/Agensi terutamanya di kawasan Lembah Kelang.

Sekian. Terima kasih.